

PM mulakan lawatan kerja tiga hari ke Jepun

UM 21 MAY 2002

TOKYO 20 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini lewat petang ini untuk lawatan kerja tiga hari ke Jepun.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Narita disambut oleh Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Marzuki Mohd. Noor.

Dari lapangan terbang Perdana Menteri berlepas ke Hotel Imperial, tempat beliau dan rombongan menginap.

Antara anggota rombongan beliau ialah Penasihat Sains di Jabatan Per-

dana Menteri, Tan Sri Dr. Ahmad Zaharuddin Idrus.

Malam ini Perdana Menteri menghadiri majlis makan malam peribadi yang diberikan oleh bekas Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone.

Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan oleh Dr. Mahathir ketika Nakasone menjadi Perdana Menteri dan Nakasone memberi sokongan kuat terhadap dasar tersebut.

Esok, Perdana Menteri mempunyai jadual yang ketat. Beliau memulakan pertemuan dengan Liga Persahabatan Parlimen Jepun-Malaysia.

Menurut Marzuki, pertemuan itu penting kerana liga tersebut dianggap rakan Malaysia dan berperanan menjelaskan dasar-dasar Malaysia kepada parlimen Jepun.

Parlimen

Katanya, liga tersebut memainkan peranan dengan berkesan bagi membolehkan anggota parlimen Jepun memahami dasar Malaysia dan kesannya tiada kritikan dibuat terhadap Malaysia.

Dr. Mahathir kemudian akan mengadakan perbincangan dua hala dengan

Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi, sebelum menyampaikan ucapan bertajuk 'China-Cabaran atau Peluang bagi ASEAN' pada Persidangan Antarabangsa ke-8 Nikkei pada tengah hari.

Beliau juga akan ditemu ramah oleh akhbar Nihon Keizai Shimbun dan TV NHK pada petang.

Pada malam Perdana Menteri akan menghadiri jamuan bersama Koizumi dan pemimpin Asia lain termasuk Presiden Gloria Macapagal Arroyo, sempena Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-8.